

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



1 Apakah itu Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan di Sektor Swasta dan GLC/GLIC?

- **Program Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan** di Sektor Swasta dan GLC (*Government-Linked Companies*) serta GLIC (*Government-Linked Investment Companies*) merupakan satu insentif penggajian di bawah Belanjawan 2025 yang diberikan kepada majikan bagi **permohonan yang dilakukan mulai 1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025** untuk pengambilan pekerja baharu mulai **1 Disember 2024**.
- Program ini membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasaran dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti Orang Kurang Upaya (OKU) dan bekas banduan untuk mendapatkan pekerjaan dan gaji dengan nilai yang lebih tinggi.
- Insentif khas ini adalah sebanyak RM600 sebulan selama tiga (3) bulan untuk majikan yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasaran ini.

2 Apakah objektif Program Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan di Sektor Swasta/GLC/GLIC?

- Menggalakkan sektor swasta/GLC/GLIC menggaji pekerja dalam kalangan golongan mudah terjejas dengan nilai yang lebih tinggi.
- Menggalakkan golongan mudah terjejas seperti OKU dan bekas banduan, mendapatkan pekerjaan dan gaji.

3 Apakah keistimewaan Program Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan di Sektor Swasta/GLC/GLIC?

- Tiada had permohonan bilangan pekerja ditetapkan kepada majikan mengikut kelayakan kategori.
- Majikan boleh mendapatkan calon dalam kalangan golongan mudah terjejas melalui laman sesawang <https://myfuturejobs.gov.my/ms/utama/> atau mendapatkan perkhidmatan PERKESO di mana-mana Pejabat PERKESO berhampiran.
- Majikan turut boleh menghadiri mana-mana program temuduga dan karnival seluruh Malaysia anjuran PERKESO bagi mendapatkan calon yang bersesuaian.

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



- Majikan turut boleh mendapatkan khidmat nasihat dari PERKESO bagi penggajian golongan mudah terjejas dalam kalangan OKU/peserta RTW (*Return To Work*) di bawah PERKESO dan bekas banduan. Khidmat nasihat ini merangkumi aspek penyesuaian kerja, sokongan psikologi dan tempat kerja (*Job Coaching*) untuk menyokong penggajian golongan mudah terjejas serta mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.

4. Apakah insentif yang disediakan bagi kategori pengambilan di bawah Program Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan?

KATEGORI INSENTIF	SYARAT KELAYAKAN	TEMPOH PENGANGGURAN	KADAR INSENTIF	TEMPOH INSENTIF	SYARAT GAJI MINIMA & JENIS KONTRAK PERKHIDMATAN
Golongan mudah terjejas	Orang kurang upaya (OKU) / Peserta Return To Work (RTW) di bawah PERKESO	Tiada tempoh pengangguran diperlukan	RM600 bagi setiap pekerja	Maksimum 3 bulan	<ul style="list-style-type: none"> Kadar gaji adalah mengikut kadar gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan Tetap / Kontrak minimum 12 bulan
	Bekas banduan / Orang Diparol (ODP) / Orang Bebas Berlesen (OBB) / Penghuni Bebas Lesen (PBL)				

Syarat-syarat tambahan permohonan Program Daya Kerjaya 3.0

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN
<ol style="list-style-type: none"> Majikan hendaklah telah berdaftar atau mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) semasa permohonan dilakukan. Majikan atau perusahaan hendaklah telah berdaftar dengan SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan semasa permohonan dilakukan. Majikan hendaklah mengiklankan jawatan dan melengkapkan profil majikan di Portal MYFutureJobs.

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

4. Majikan digalakkan mengambil calon pekerja dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs. Sekiranya majikan mengambil calon pekerja selain dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs, majikan hendaklah memastikan agar pekerja yang diambil tersebut kemudiannya berdaftar dengan Portal MYFutureJobs.
5. Pekerja hendaklah berdaftar dan melengkapkan profil di Portal MyFutureJobs (Medan nama, nombor kad pengenalan, alamat, tahap pendidikan dan pengalaman kerja). Majikan digalakkan membayar gaji seperti yang diiklankan di dalam Portal MYFutureJobs dan kadar gaji adalah mengikut kadar gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan.
6. Majikan **hendaklah** mengemaskini tarikh berhenti kerja **selewat-lewatnya 15 hari bulan pada bulan berikutnya** di Portal Kerjaya MADANI – Daya Kerjaya 3.0 **atau** Portal ASSIST sekiranya berlaku perubahan status pekerja.
7. Majikan dan pekerja hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja selaras dengan Akta Kerja 1955 dan peraturan di bawahnya.
8. Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dengan niat untuk menggantikannya (*substitute*) dengan pekerja yang sama atau pekerja yang baharu bagi tujuan permohonan Program Daya Kerjaya 3.0 diluluskan.

DOKUMEN SOKONGAN

PERKESO berhak meminta sebarang dokumen pembuktian berkaitan sekiranya perlu. Rekod dan dokumen yang digunakan dalam permohonan ini hendaklah disimpan oleh majikan sekurang-kurangnya selama 3 tahun untuk rujukan dan semakan PERKESO.

Dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut kategori kelayakan:

KATEGORI KELAYAKAN	DOKUMEN/MAKLUMAT PENGESAHAN
Orang kurang upaya (OKU) / Peserta Return to Work (RTW) di bawah PERKESO	OKU : Nombor Kad OKU / Salinan Kad OKU Peserta RTW : Salinan kad pengenalan
Orang diparol (ODP) / Orang bebas berlesen (OBB) / Penghuni bebas lesen (PBL) / Bekas banduan	Pengesahan Jabatan Penjara Malaysia & Kementerian Dalam Negeri

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



5 Bilakah tarikh kuat kuasa Program Daya Kerjaya 3.0 – Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan?

- Tarikh kuat kuasa program ini adalah bermula pada **1 Januari 2025 sehingga 31 Disember 2025** bagi pengambilan pekerja mulai **1 Disember 2024**.
- Tarikh akhir permohonan program ini adalah pada **31 Disember 2025** atau tertakluk kepada **baki dana yang diperuntukkan** atau **sebarang keputusan terkini yang diwartakan oleh pihak Kerajaan**.

6 Apakah yang dimaksudkan dengan Orang diparol (ODP) / Orang bebas berlesen (OBB) / Penghuni bebas lesen (PBL) / Bekas banduan?

- **Orang diparol*** adalah banduan yang ditawarkan pelepasan awal melalui Sistem PAROL dan perlu menjalani Pemulihan dalam komuniti.
- **Orang bebas berlesen*** adalah banduan yang dilepaskan secara lesen dan perlu menjalani pemulihan dalam komuniti (bekerja) untuk pembebasan awal (Kawalan sepenuhnya oleh Pegawai Parol).
- **Penghuni bebas lesen (PBL)*** adalah Program pembebasan awal penghuni Sekolah Henry Gurney yang menjalani pemulihan dalam komuniti (bekerja serta berada di asrama majikan dan kawalan sepenuhnya oleh Pegawai Parol).
- **Bekas banduan*** adalah banduan yang telah tamat hukuman sepenuhnya.

**Definisi adalah mengikut Jabatan Penjara Malaysia dan AADK (Agensi Antidadah Kebangsaan). Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada maklumat terkini daripada Jabatan Penjara Malaysia dan AADK.*

7 Apakah yang dimaksudkan dengan Peserta Return to Work (RTW) di bawah PERKESO?

- Peserta Program Return To Work (RTW) PERKESO merupakan pencarum PERKESO yang mengikuti program pengurusan hilang upaya untuk mengekalkan atau mengembalikan semula pekerja ke alam pekerjaan lebih awal secara sihat serta selamat.
- Bagi permohonan insentif di bawah kategori ini, kriteria yang perlu dipenuhi adalah:
 - i. Peserta Program RTW yang tidak mempunyai kad OKU;

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



- ii. Menyertai program penempatan pekerjaan PERKESO di bawah Portal Pekerjaan Nasional MYFutureJobs;
- iii. Memenuhi kriteria ketidakupayaan yang digariskan oleh pihak PERKESO.

8 Apakah yang perlu dilaksanakan oleh majikan untuk mendapatkan insentif ini?

- Majikan hendaklah memastikan pekerjaanya berdaftar dan melengkapkan profil di Portal MYFutureJobs dengan memastikan medan nama, nombor kad pengenalan, alamat, tahap pendidikan dan pengalaman kerja telah selesai dilengkapkan.

9 Siapakah yang TIDAK LAYAK mendapat insentif di bawah Program Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan?

- Agensi Pekerjaan Swasta ataupun Syarikat Penyumberan Luar (*Outsourcing / Contract for Service*) yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (*principal*) dan bukannya sebagai majikan utama. Walau bagaimanapun, Agensi Pekerjaan atau Syarikat Penyumberan Luar yang bertindak sebagai majikan utama, yang melaksanakan pembayaran gaji dan caruman pekerjaanya adalah layak untuk membuat permohonan bagi insentif ini.
- Majikan yang **TIDAK berdaftar atau mencarum** dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) semasa permohonan dilakukan.
- Majikan atau perusahaan yang **TIDAK berdaftar** dengan SSM / ROS / ROB / PBT atau lain-lain pertubuhan semasa permohonan dilakukan.
- Pekerja yang sedang menerima Insentif Penggajian Pekerja (Program Daya Kerjaya) bagi golongan mudah terjejas seperti OKU, warga emas, bekas banduan dan pesara di bawah Belanjawan 2024.
- Golongan yang tidak tergolong daripada kumpulan bersasar (soalan 4).
- Ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik dan anak yang diambil sebagai pekerja.
- Pekerja **selain daripada** pekerja berstatus warganegara, pemastautin tetap atau pemastautin sementara.
- Pekerja yang telah diberhentikan kerja atau berhenti kerja secara sukarela selepas menyertai program ini bagi tuntutan seterusnya.

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



- Pekerja yang telah berhenti/diberhentikan kerja dengan majikan yang memohon sebelum permohonan ini dibuat.
- Pemilik perniagaan yang memohon untuk dirinya sendiri.
- Semua pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mereka yang bekerja sendiri atau individu yang tidak mempunyai majikan.

10 Dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Daya Kerjaya 3.0 : Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan?

- Salinan akaun bank majikan (salinan hadapan yang tertera nama majikan, nombor akaun majikan dan nama bank).
- Salinan nombor pendaftaran perniagaan **majikan yang telah disahkan oleh pihak Bank** (*Business Registration Number - BRN*).
- Salinan pendaftaran SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia).
- Salinan kad pengenalan pekerja (Depan dan Belakang).
- Salinan kontrak pekerjaan pekerja dimohon di bawah program ini.
- Borang Pengesahan Pekerja yang telah ditandatangani oleh pekerja dan majikan.
- Bagi majikan sedia ada yang pernah memohon Insentif Penggajian sebelum ini yang telah diluluskan, rekod dokumen terdahulu akan disimpan secara automatik dalam Portal Kerjaya MADANI (Daya Kerjaya - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan). Walau bagaimanapun, majikan perlu mengemukakan dokumen tambahan yang berkaitan sekiranya diminta oleh PERKESO.

11 Setelah permohonan Daya Kerjaya 3.0 diluluskan, adakah majikan perlu mengemukakan permohonan yang baharu bagi tuntutan yang seterusnya?

- Majikan tidak perlu mengemukakan permohonan Daya Kerjaya 3.0 yang baharu bagi tuntutan bulan susulan.
- Majikan hendaklah mengemaskini tarikh berhenti kerja selewat-lewatnya 15hb pada bulan berikutnya di Portal Kerjaya MADANI atau Portal ASSIST sekiranya berlaku perubahan status pekerja.

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



- Majikan adalah diwajibkan untuk membayar caruman mengikut peruntukan Akta 4 dan Akta 800. Sekiranya PERKESO mendapati tiada caruman dibayar, PERKESO berhak untuk menggantung atau menamatkan pembayaran insentif ini.

12 Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah Program Daya Kerjaya 3.0 dibayar kepada majikan?

- Majikan akan menerima kelulusan pekerja yang layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima dan memenuhi syarat kelayakan.
- Bayaran insentif pertama kepada majikan akan **dikreditkan dalam tempoh 14 hari selepas pengesahan kelulusan** dilakukan, manakala bayaran insentif kedua dan seterusnya akan dikreditkan kepada majikan setiap bulan selepas 15hb bagi bulan berkenaan.
- Pembayaran akan dikreditkan ke **akaun syarikat (majikan)** sekiranya permohonan memenuhi syarat dan telah diluluskan.

13 Adakah majikan akan menerima insentif di bawah Program Daya Kerjaya 3.0 sekiranya pekerja tersebut meletakkan jawatan?

- Majikan akan menerima bayaran insentif bagi bulan pekerja bekerja sahaja dan **dengan syarat kontrak perkhidmatan pekerja adalah 12 bulan bagi kategori yang dipohon.**
- Majikan **hendaklah** mengemaskini tarikh berhenti kerja **selewat-lewatnya 15 hari bulan pada bulan berikutnya** di Portal Kerjaya MADANI – Daya Kerjaya 3.0 **atau** Portal ASSIST sekiranya berlaku perubahan status pekerja.
- Permohonan yang mengandungi maklumat yang tidak tepat akan dikuiiri untuk tindakan selanjutnya. Sehubungan itu, majikan hendaklah mengisi maklumat dengan tepat bagi mengelakkan kelewatan pemprosesan permohonan tersebut.

14 Adakah majikan boleh melakukan pemberhentian semasa pekerja masih dalam tempoh 12 bulan kontrak minimum?

- **Tidak.** Majikan tidak dibenarkan untuk melakukan pemberhentian pekerja semasa pekerja masih dalam tempoh kontrak 12 bulan tersebut. Sekiranya majikan memberhentikan pekerja dalam situasi berikut, maka majikan adalah dikehendaki

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



untuk mengembalikan semula **SEMUA** bayaran Insentif Penggajian di bawah Program Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan yang telah diterima.

- Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pekerja yang berhenti secara sukarela dengan majikan yang memohon insentif penggajian ini, majikan perlu **mengemaskini senarai baru pekerja selewat-lewatnya pada 15 hari bulan pada bulan berikutnya**. Kegagalan majikan tidak melaporkan perubahan tersebut menyebabkan majikan boleh dikenakan tindakan undang-undang dan PERKESO berhak untuk menggantung atau menamatkan pembayaran insentif ini.

15 Apakah yang boleh dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan yang menyertai program ini tidak membayar gaji pekerja, memotong gaji, mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji ataupun memberhentikan perkhidmatan pekerja?

- Sebarang masalah perburuhan di luar program ini, pekerja juga boleh merujuk kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di talian 03-8890 3404 atau 03 -8886 2409 atau emel di jtksm@mohr.gov.my

16 Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dilakukan oleh pihak majikan?

- Majikan dan pekerja boleh membuat semakan status permohonan secara dalam talian di Portal Kerjaya MADANI (Daya Kerjaya 3.0 - Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan) di laman sesawang <https://kerjayamadani.perkeso.gov.my>
- PERKESO juga akan memaklumkan keputusan permohonan melalui medium yang telah berdaftar di program ini.

17 Adakah PERKESO akan melakukan semakan dan pemantauan bagi penerima program Skim Galakan Sokongan Pekerjaan Golongan Rentan oleh Majikan ini?

- Ya, PERKESO **berhak** untuk melakukan semakan dan pengesahan semula pada bila-bila masa mengikut kaedah yang bersesuaian terhadap mana-mana majikan atau pekerja yang telah mendapat kelulusan di bawah program ini dan membuat

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



- apa-apa keputusan susulan yang sewajarnya berdasarkan hasil semakan dan pengesahan semula tersebut.
- PERKESO berhak mengambil tindakan pemantauan dengan meminta majikan untuk mengemukakan sebarang dokumen pembuktian berkaitan permohonan program ini serta melakukan sebarang **lawatan pemeriksaan mengejut di premis majikan**.

18 Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah palsu, tidak benar atau mempunyai unsur penipuan (*fraud*)?

PERKESO berhak mengambil tindakan seperti berikut:

- **Menolak kesemua permohonan atau menangguh dan memberhentikan bayaran** sekiranya majikan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya majikan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- **Menggantung semua permohonan** daripada majikan yang sedang dalam proses siasatan berkaitan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar sebelumnya.
- **Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran** yang telah dibayar sekiranya majikan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut.

19 Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program ini?

- Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau aduan secara emel melalui perkeso@perkeso.gov.my

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO) DIKEMASKINI PADA
6 JANUARI 2025**

SOALAN-SOALAN LAZIM

DAYA KERJAYA 3.0

SKIM GALAKAN PENGGAJIAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN DI SEKTOR SWASTA DAN GLC/GLIC SECARA BERSASAR DI BAWAH BELANJAWAN 2025



JADUAL 1 - TATACARA PERMOHONAN PROGRAM SKIM GALAKAN SOKONGAN PEKERJAAN GOLONGAN RENTAN OLEH MAJIKAN

